

"Brexit":

Berakhirnya

Perkuasaan Bahasa

Inggeris?

Pada 23 Jun lalu, rakyat United Kingdom mengundi dalam pungutan suara atau referendum untuk menentukan sama ada negara mereka kekal ataupun tidak sebagai anggota Kesatuan Eropah. Daripada jumlah yang mengundi, 17 410 742 orang (52 peratus) memilih untuk keluar dari Kesatuan Eropah, manakala 16 141 241 orang (48 peratus) memilih untuk kekal. Keputusan ini dijangkakan, bahkan diperingatkan semasa kempen bahawa apa-apa pun keputusan akan memberikan implikasi ekonomi dan politik terhadap United Kingdom. Kesan segera, Perdana Menteri, David Cameron yang berkempen untuk kekal, mengumumkan peletakan jawatan beliau. Kerjaya politik beliau berakhir dan beliau kecundang dalam percaturannya. Beliau dianggap sebagai perdana menteri British yang terburuk dalam tempoh 100 tahun.

Kempen pungutan suara dikatakan membangkitkan semula politik nasionalis, yang pada akhirnya menyentuh isu ras atau kaum, imigresen, dan konspirasi. Keputusan ini juga dianggap gangguan politik terbesar yang berlaku di United Kingdom selepas Perang Dunia Pertama. Hal yang memburukkan lagi keadaan, United Kingdom berada di ambang perpecahan. Scotland yang 62 peratus rakyat mengundi untuk kekal, bercadang untuk mengadakan satu lagi pungutan suara bagi menentukan sama ada kekal ataupun berpisah dari United Kingdom. Ireland Utara yang juga mengundi kekal, bercadang mengambil langkah yang sama. Scotland mencari jalan untuk terus kekal dalam Kesatuan Eropah. Beberapa hari selepas pungutan suara itu, Nicola Sturgeon, Menteri Pertama Scotland, mencadangkan Parlimen Scotland boleh menyekat United Kingdom keluar dari Kesatuan Eropah.

Salah satu kesan akibat keputusan keluar dari Kesatuan Eropah, ialah soal penggunaan bahasa Inggeris dalam kesatuan itu. Wujud 24 bahasa rasmi negara anggota Kesatuan Eropah, termasuk bahasa Inggeris. Semua bahasa rasmi Kesatuan Eropah diterima sebagai bahasa kerja (*working languages*), tetapi dari segi amalan, hanya dua bahasa, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Perancis yang diterima sebagai bahasa kerja. Bahasa Inggeris yang difahami oleh sebanyak 51 peratus orang dewasa, digunakan secara paling meluas dalam Kesatuan Eropah, manakala bahasa Jerman ialah bahasa ibunda yang dituturkan oleh 18 peratus orang dewasa.

Dasar bahasa rasmi pertama yang dikenal pasti komuniti

Eropah sebagai bahasa kerja Kesatuan Eropah ketika itu ialah bahasa Belanda, bahasa Perancis, bahasa Jerman, dan bahasa Itali. Selepas itu, oleh sebab lebih banyak negara menganggotai Kesatuan Eropah, maka bilangan bahasa rasmi dan bahasa kerja bertambah. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa bahasa rasmi dalam Kesatuan Eropah, namun terdapat sebilangan negara anggota berkongsi bahasa yang sama.

Suruhanjaya Eropah mengekalkan dasar bahawa semua warga Kesatuan Eropah mempunyai hak untuk mengakses semua dokumen dalam bahasa (bahasa-bahasa) rasmi Suruhanjaya, dan boleh melakukan urusan surat-menyurat dengan Suruhanjaya dan menerima jawapan dalam bahasa mereka sendiri. Dalam mesyuarat antara negara anggota, peserta boleh menggunakan bahasa mereka sendiri untuk bercakap.

Pada permulaan tahun 1990-an, jelas bahawa bahasa Perancis adalah yang paling penting di Brussels, ibu pejabat Kesatuan Eropah. Kemudian, berikutan pertambahan anggota Kesatuan Eropah kepada 16 buah negara, bahasa Inggeris yang merupakan bahasa kedua penting, menjatuhkan bahasa Perancis dari kedudukannya sebagai bahasa utama. Dalam jarak satu generasi, tidak dapat dipertikaikan bahwa bahasa Inggeris menjadi *lingua franca* di benua Eropah.

Pada suatu ketika, dikatakan 13 peratus warga Kesatuan Eropah

Bahasa Inggeris ialah bahasa asing yang digunakan bersama di 19 buah daripada 25 buah negara anggota Kesatuan Eropah.

bertutur dalam

bahasa Inggeris

sebagai bahasa ibunda mereka dan hampir 40 peratus warga Kesatuan Eropah mengatakan mereka mempunyai kemahiran yang memadai untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris ialah bahasa asing yang digunakan bersama di 19 buah daripada 25 buah negara anggota Kesatuan Eropah. Bahasa Jerman dan Perancis dituturkan oleh 14 peratus penduduk Eropah, bahasa Rusia dan bahasa Sepanyol masing-masing enam peratus, dan bahasa Itali tiga peratus. Negara Scandinavia mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris yang tinggi.

Menurut tinjauan pendapat Eurobarometer pada tahun 2012, bahasa Inggeris dituturkan oleh 38 peratus orang Eropah, manakala 12 peratus boleh bertutur dalam bahasa Perancis dan 11 peratus dalam bahasa Jerman. Satu perempat orang Eropah dapat membaca akhbar, memahami berita televisyen atau berkomunikasi dalam talian



Kini, institusi Kesatuan Eropah mempunyai tiga bahasa kerja, iaitu bahasa Perancis, bahasa Jerman, dan bahasa Inggeris, dengan kebanyakan minit mesyuarat dan dokumen diterjemahkan ke dalam semua 24 bahasa rasmi. Kos penterjemahan melebihi satu bilion euro setahun dan akan meningkat setiap kali Kesatuan Eropah mengambil anggota baharu.

menggunakan bahasa Inggeris. Kira-kira lima peratus dapat berbuat demikian dalam bahasa Perancis. Lebih dua pertiga responden berkata bahawa bahasa Inggeris ialah satu daripada dua bahasa yang paling berguna, berbanding dengan 17 peratus untuk bahasa Jerman dan 16 peratus untuk bahasa Perancis.

Kini, institusi Kesatuan Eropah mempunyai tiga bahasa kerja, iaitu bahasa Perancis, bahasa Jerman, dan bahasa Inggeris, dengan kebanyakan minit mesyuarat dan dokumen diterjemahkan ke dalam semua 24 bahasa rasmi. Kos penterjemahan melebihi satu bilion euro setahun dan akan meningkat setiap kali Kesatuan Eropah mengambil anggota baharu. Dengan staf tetap yang berjumlah 1 750 orang ahli bahasa dan 600 orang staf sokongan, Suruhanjaya Eropah menyediakan perkhidmatan terjemahan terbesar di dunia, disokong oleh 600 orang jurubahasa penuh masa dan 3 000 orang jurubahasa bebas. Untuk mengurangkan kos yang

ditanggung oleh pembayar cukai, Suruhanjaya Eropah berhasrat menyediakan laman web kepada mereka sendiri ataupun dalam satu bahasa yang mereka fahami, bergantung pada keperluan sebenar mereka.

Dalam kalangan 28 buah negara anggota Kesatuan Eropah, selain United Kingdom, Ireland dan Malta juga menggunakan bahasa Inggeris secara rasmi. Dengan itu, walaupun tanpa United Kingdom, bahasa Inggeris masih menjadi bahasa rasmi dalam kesatuan itu. Walau bagaimanapun, ketika United Kingdom dalam proses menentukan sama ada keluar dari Kesatuan Eropah, dijangkakan debat tentang kedudukan bahasa Inggeris dalam kesatuan itu semakin panas. Melalui media sosial, ada cadangan supaya bahasa Inggeris tidak diajarkan di sekolah-sekolah di Eropah. Dengan keluarnya United Kingdom, maka ura-ura untuk menjadikan bahasa Inggeris salah satu bahasa rasmi dalam Kesatuan

Eropah pastinya semakin sukar, dan bahkan mungkin berkubur sama sekali, walaupun Ireland dan Malta masih menganggotai kesatuan itu.

Dua hari selepas pungutan suara itu, *The Huffington Post*, muncul dengan judul yang provokatif, "After Brexit, French Politicians Want English Language Out of EU Too". Adakah dengan keluarnya United Kingdom dari Kesatuan Eropah merupakan tamparan hebat terhadap bahasa Shakespeare di benua itu? Akhbar dalam talian itu menjelaskan bahawa bahasa Inggeris ialah salah satu daripada 24 bahasa rasmi yang dituturkan secara meluas di Brussels dan parlimen Eropah di Strasbourg. Akan tetapi, menurut ahli politik utama Perancis, selepas Brexit status bahasa itu patut dipersoalkan. Pada hari Jumaat pagi (24 Jun), datuk bandar Béziers, sebuah bandar di selatan Perancis, Robert Ménard, lelaki yang rapat dengan Parti Barisan Nasional negara itu, menganggap bahawa bahasa Inggeris tidak lagi

mempunyai "apa-apa keabsahan" di Brussels. Calon presiden parti sayap kiri, Jean-Luc Mélenchon, berkata bahawa bahasa Inggeris tidak boleh lagi menjadi bahasa kerja ketiga parlimen Eropah.

Walaupun bagaimanapun, dalam banyak cara, tegas akhbar itu, kedua-dua ahli politik itu silap. Keanggotaan negara anggota dalam Kesatuan Eropah bukan merupakan kriteria utama untuk menentukan kedudukan sesuatu bahasa dalam urusan tadbir sebuah kesatuan yang dilatari kepelbagaian bahasa. Bahasa rasmi Kesatuan Eropah ialah bahasa komunikatif yang diiktiraf oleh institusi tersebut. Ketika permulaan struktur Kesatuan Eropah pada era wujudnya Komuniti Arang Batu dan Keluli Eropah (ECSC) pada tahun 1951, terdapat empat bahasa, iaitu Perancis, Jerman, Itali, dan Belanda. Hari ini terdapat 24 bahasa rasmi ahli anggota, termasuk bahasa Bulgaria, Denmark, Croatia, dan pastinya, bahasa Inggeris. Dalam parlimen Eropah, semua dokumen dan catatan perbincangan mesti diterjemahkan serentak ke dalam 24 bahasa. Bahasa rasmi negara anggota tidak secara automatik menjadi bahasa rasmi Kesatuan Eropah, seperti yang berlaku dengan bahasa negara Luxembourg. Pengiktirafan ini berlaku atas permintaan negara anggota. Jika negara itu keluar, bahasanya mungkin juga dikeluarkan, meskipun kes seperti ini tidak pernah berlaku.

Walaupun bagaimanapun, akhbar itu mengingatkan bahawa dengan keluarnya Great Britain, hal yang sedemikian sepatutnya tidak memadai untuk menghapuskan penggunaan bahasa Inggeris di Brussels, tidak seperti apa yang

Robert Ménard fikirkan. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Inggeris ialah satu bahasa rasmi Ireland dan Malta, yang masih anggota Kesatuan Eropah.

Bagi Ireland, meskipun dikatakan bahasa rasminya bahasa Inggeris, pada awal Januari 2007, bahasa Irish juga diberikan status rasmi di Eropah, mengambil tempatnya sebagai bahasa ke-23 dalam Kesatuan Eropah. Selari dengan falsafah Kesatuan Eropah menggalakkan kepelbagaian bahasa yang menjadi tambahan kepada penerimaan bahasa utama, membawa pemberian status separuh rasmi kepada bahasa seperti Basque, Catalan, dan Galician. Bahasa Irish yang juga dirujuk sebagai bahasa Gaelic, walau bagaimanapun, tidak akan setahta dengan bahasa lain seperti bahasa Inggeris, Perancis, Jerman. Institusi Eropah, sebagai contohnya, tidak perlu menterjemahkan semua dokumen perundangan ke dalam bahasa Irish. Walau bagaimanapun, mulai Januari tahun itu, semua dokumen perundangan Kesatuan Eropah utama akan diterjemahkan ke dalam bahasa Irish, dan dengan peruntukan yang diberikan, maka bahasa Irish boleh dituturkan dalam mesyuarat majlis.

Pada bulan Disember tahun 2006, kerajaan Ireland mengumumkan strategi yang digubal untuk menggalakkan masyarakat mahir dalam dwibahasa, iaitu seberapa banyak mungkin orang menggunakan kedua-dua bahasa, iaitu bahasa Irish dan bahasa Inggeris. Objektifnya termasuklah meneruskan pengembangan perkhidmatan penyiaran bahasa Irish dan bantuan kepada ibu bapa yang berhasrat mendidik anak mereka melalui bahasa Irish.

Bahasa Irish dituturkan secara meluas di Republik Ireland, sebahagiannya kerana bahasa itu mengekalkan status tradisionalnya sebagai bahagian wajib kurikulum sekolah. Bahasa Irish, meskipun ada pasang surutnya, ialah bahagian lazim kehidupan. Walau bagaimanapun, bahasa Irish tidak sesuai untuk semua murid sekolah, kerana bahasa ini sukar dipelajari. Bancian pada tahun 2002 menunjukkan bahawa 40 peratus penduduk negara itu dapat bertutur dalam bahasa Irish, dan lebih satu perempat mengatakan mereka bertutur dalam bahasa itu setiap hari. Sebilangan kecil penduduknya, terutamanya di barat negara itu, mengangap bahasa Irish sebagai bahasa pertama mereka, manakala beribu-ribu murid memasuki sekolah yang menjadikan bahasa Irish bahasa pengantar dalam sistem pendidikannya.

Oleh sebab United Kingdom baru sahaja mengadakan pungutan suara untuk keluar dari Kesatuan Eropah dan negara itu memerlukan kira-kira dua tahun untuk perundangan, maka agak sukar untuk memastikan masa depan bahasa Inggeris dalam Kesatuan Eropah. Dengan adanya Ireland dan Malta, bahasa Inggeris masih kekal sebagai salah satu bahasa rasmi. Dalam pada itu, status bahasa Inggeris sebagai salah satu bahasa kerja, kemungkinan tidak dapat dipertahankan. Tambahan pula, sejak keputusan pungutan suara rakyatnya memihak kepada meninggalkan Kesatuan Eropah, perasaan meluat sesetengah penduduk Eropah terhadap orang Inggeris semakin galak kedengaran. DB